

. Abdullah layak ganti Dr Mahathir'

SH 2 3 APR 2002

MELAKA. Isnin - Pelbagai pihak dalam Umno termasuk Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju pemimpin yang paling layak menggantikannya ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata perkara itu sudah diinstitusikan

Umno apabila timbalan presiden akan menggantikan presiden parti jika jawatan itu kosong.

Beliau berkata, mengikut tradisi Umno, tempat presiden akan diambil alih timbalannya jika berlaku kekosongan dan sesiapa yang dipilih sebagai presiden layak menjadi Perdana Menteri.

"Semua orang Umno ber-

setuju perkara ini dan kita tidak nampak ia akan memberi masalah kepada Umno seperti digembar gemburkan pembangkang termasuk Pas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Pemikiran Mengenai Ekonomi' sempena Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Moha-

mad di Hotel Golden Legacy di sini, hari ini. Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Kolokium dua hari itu dianjurkan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep) dan Kerajaan Melaka.

Sebanyak sembilan kertas kerja meliputi wanita, ekonomi, politik, globali-

sasi, sains dan teknologi, Islam, orang Melayu, pendidikan dan Wawasan 2020 dibentangkan pada kolokium itu.

Seramai 300 peserta termasuk ahli akademik, ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO), aktivis masyarakat, ahli politik, pegawai kerajaan dan swasta, belia serta pemaju masyarakat menghadiri ko-

lokium berkenaan yang julung kali diadakan di negara ini.

Baru-baru ini, Harakah melalui laman webnya membuat pungutan suara mengenai siapa pemimpin yang paling layak menggantikan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri. Seperti dijangka, pungutan suara itu tidak menyebabkan Abdullah.